

22/02/2003

Harapan kepada Dr M (HL)

KUALA LUMPUR: Beberapa perwakilan ke mesyuarat persediaan NAM ke-13 di sini semalam melahirkan harapan tinggi kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi baru pergerakan itu, untuk menyuburkan semula NAM supaya menjadi suara terpenting pada arena antarabangsa.

Malah mereka turut yakin kebolehan serta keupayaan Perdana Menteri untuk mempengerusikan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober ini, dalam usaha menyatukan negara Islam yang berpecah kerana kepentingan strategik masing-masing.

Timbalan Menteri Luar Syria, Waled Moulam, ketika ditemui Berita Harian semalam berkata, Dr Mahathir yang dihormati di kalangan negara Arab boleh menggunakan pengaruhnya itu untuk memulih imej NAM dan OIC.

"Kami amat gembira beliau menjadi pengerusi NAM yang baru dan kesediaannya untuk membawa pergerakan itu kepada kedudukan lebih baik dalam arena antarabangsa. Kami juga kagum dengan kejayaannya memimpin Malaysia hingga rakyat negara ini menikmati banyak pembangunan.

"Oleh itu, kami yakin beliau dapat berbuat sesuatu kebaikan kepada NAM dan OIC," katanya yang mengetuai delegasi Syria ke mesyuarat pegawai kanan (SOM) selama dua hari, berakhir semalam.

Waled berkata, Dr Mahathir menjadi jurucakap bagi negara membangun dan banyak negara menghormatinya kerana beliau bukan setakat bercakap malah disusuli dengan tindakan berkesan.

Beliau memberikan contoh kejayaan Malaysia memperkukuhkan kedudukan ekonomi, politik dan sosial sehingga negara ini kelihatan boleh memainkan peranan penting dalam arena antarabangsa.

Ketua delegasi dari Republik Dominican, Jose Luis Vasquez, pula berkata Dr Mahathir mempunyai kepimpinan cemerlang dan amat layak untuk memimpin NAM, yang walaupun dianggotai 114 negara, kebanyakannya miskin.

"Kita berasa selamat apabila Malaysia menjadi Pengerusi NAM. Ini kerana Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin yang baik dan cekap," katanya.

Pegawai kanan di Kementerian Luar Yaman, Salleh Ahmad pula percaya Dr Mahathir mampu mengetuai NAM kerana ketegasannya dan sikap tidak mudah tunduk kepada kuasa besar.

Katanya, dunia juga sudah mengenali Dr Mahathir dan kewibawaannya menyuarakkan isu negara membangun di arena antarabangsa.

"Kami kagum dengan ketegasan Dr Mahathir di peringkat antarabangsa dan kemampuannya memajukan Malaysia. Pembangunan pesat Malaysia adalah bukti bahawa beliau memang layak memimpin pergerakan NAM ini," katanya.

Penolong Setiausaha Politik dan Kerjasama Antarabangsa Bahrain, Ahmad Mahdi Al-Hadad, berkata Dr Mahathir berani dan lantang dalam mengutarakan sesuatu isu yang difikirkan benar.

Beliau yakin Malaysia mampu memimpin NAM secara lebih berkesan seperti dibuktikan menerusi penganjuran sidang kemuncak ini menurutnya, begitu teratur dan lancar.

Wakil Tetap Benin ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Adechi Joel Wassi, pula berharap Perdana Menteri dapat melakukan sesuatu yang lebih praktikal untuk memastikan NAM tidak hanya dikenali sebagai sidang 'cakap-cakap'.

Sebagai sebuah negara Afrika kecil, katanya, Benin menganggap Dr Mahathir sebagai 'wira' mereka kerana belum pernah ada seorang pemimpin dari negara kecil yang begitu berani dan lantang dalam meluahkan pendapatnya.

"Perdana Menteri awak terlalu jujur dan amat berani. Negara Afrika seperti Benin amat mengagumi beliau. Kami amat berharap usaha Malaysia untuk menyuburkan kembali fungsi NAM ini dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana tidak ada siapa selama ini yang ambil kisah terhadap kekurangan kami," katanya.

Seorang lagi delegasi dari negara Afrika yang enggan namanya disiarkan berkata, apa yang diharapkan ialah Dr Mahathir mengubah pendekatan NAM supaya tidak terlalu tertumpu kepada isu sejagat yang kurang relevan, kepada kemiskinan terutama di Afrika.

"Kami memang tidak sukakan peperangan, tetapi berilah ruang yang lebih untuk membincangkan soal ekonomi dan sosial dengan fokus kepada negara Selatan. Bayangkan ada sesetengah negara Afrika masih kurang prasarana seperti bekalan air dan ini tiada kaitan dengan keganasan.

"Justeru, apabila Mahathir memimpin NAM, ia bagaikan memberi nafas baru kerana kita tahu selama ini Perdana Menteri anda memang memberi tumpuan kepada kerjasama Selatan," katanya.

Ketua Delegasi Pegawai Kanan Afghanistan, Amanullah Jayhoo, berkata ketokohan Dr Mahathir yang lantang di peringkat antarabangsa akan menjadikannya sebagai pengerusi yang lebih berkesan.

Seorang Pegawai Kanan delegasi Nigeria, Charles Ononye, yakin pengalaman luas Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan tokoh di arena politik antarabangsa akan membolehkan beliau berfungsi dengan berkesan sebagai Pengerusi NAM.